

Golongan muda perlu kasihi masyarakat

CYBERJAYA 9 Ogos - Canselor Universiti Multimedia (MMU), Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali malam ini mengingatkan golongan muda agar sentiasa mengamalkan sikap berkongsi dan mengasihi orang di sekeliling mereka bagi menikmati kehidupan yang lebih bermakna.

Beliau berkata, adalah amat penting bagi mereka mengutamakan orang-orang tercinta dalam perjuangan mereka mencapai cita-citakerana mereka itu memegang peranan sebagai tiang kekuatan.

"Kaum keluarga, rakan-rakan dan masyarakat sekeliling merupakan span kepada kehidupan kita, waktu kita berjaya dan kita dalam duka.

'Mereka menyerap kepedihan hidup kita dan membolehkan kita timbul semula dengan jayanya.

"Kepentingan ijazah mungkin tidak begitu kritikal dalam perjalanan hidup anda tanpa pengalaman dan kenangan bersama yang tersayang," katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap pada majlis *Convofest! 2006* di Universiti Multimedia di sini malam ini.

Convofest! 2006 diadakan sempena Majlis Konvokesyen M M U ketujuh hujung minggu ini.

Dalam hal ini, Siti Hasmah berterima kasih kepada keluarga



DR. SITI HASMAH

dan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang sentiasa memberikan sokongan, toleransi dan galakan kepadanya.

"Saya bertuah kerana mampu membuat apa sahaja yang diinginkan tanpa perlu berdepan dengan risiko kehilangan makanan, tempat tinggal atau pun kasih sayang," ujarnya.

Pada majlis itu, Dr. Siti Hasmah dikejutkan dengan nyanyian lagu dan dua biji kek sempena hari jadinya yang ke-80.

Beliau turut diberi kapsul masa yang akan diisi dengan pesanan daripadanya untuk dibuka dalam tahun 2016.